



**KETUA PESURUHJAYA**  
**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
*CHIEF COMMISSIONER*  
*MALAYSIA CIVIL DEFENCE FORCE*  
*PRIME MINISTER'S DEPARTMENT*

JALAN MAKTAB PERGURUAN ISLAM  
SUNGAI MERAB  
43000 KAJANG, SELANGOR

Tel : 03 – 8920 6337  
Faks : 03 – 8920 6360  
Web : [www.civildefence.gov.my](http://www.civildefence.gov.my)

Rujukan Kami : PA.BPA.100-1/4/6 ( 65 )  
Tarikh : 25 November 2020  
9 Rabiul Akhir 1442H

**Semua Pengarah Bahagian**  
**Semua Pengarah Pertahanan Awam Negeri**  
**Semua Komandan Institusi Latihan Pertahanan Awam**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/ Puan,

**ARAHAN TETAP KETUA PESURUHJAYA BILANGAN 2 TAHUN 2020:**

**GARIS PANDUAN MEMBEKAL ATAU MENJUAL KELENGKAPAN DAN PERALATAN SERAGAM ANKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Terdapat pelbagai syarikat atau orang perseorangan yang mempunyai hasrat untuk membekal atau menjual kelengkapan dan peralatan seragam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Pengurusan Tertinggi APM amat memandang serius tentang kaedah pembekalan dan penjualan ini di mana dikhuatiri ia akan disalah guna oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang bakal mencemarkan nama baik APM.


3. Sehubungan dengan itu, satu garis panduan yang dinamakan **Garis Panduan Membekal atau Menjual Kelengkapan dan Peralatan Seragam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia** dikeluarkan dengan tujuan untuk mengawal pembekalan serta penjualan kelengkapan dan peralatan seragam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) oleh mana-mana pihak yang diberi permit membekal atau menjual.

4. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan di dalam Seksyen 4, Seksyen 5 dan Seksyen 7H Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 1951 (Akta 221). Peraturan Pakaian Seragam Pertahanan Awam 1983 serta keputusan Pengurusan Tertinggi APM di dalam Mesyuarat Ketua Pesuruhjaya Bil.2/2020 yang telah bersidang pada 7 Julai 2020.

5. Arahan dan garis panduan ini terpakai kepada semua peringkat pejabat, pegawai, anggota dan pasukan dalam APM serta mana-mana pihak luar mulai tarikh ianya dikeluarkan. Mana-mana kelulusan yang telah diberikan sebelum garis panduan ini dikeluarkan adalah terbatal dan pemohon perlu mengemukakan permohonan yang baru berdasarkan garis panduan ini dengan serta merta. Pemakaian Arahan ini terhenti dengan sendirinya apabila semua Perintah atau Arahan yang dikeluarkan ditarik balik oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Sedia Pantas Berintegriti”**

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized initial 'R' followed by a series of loops and a long horizontal stroke at the end.

**KPj. (PA) DATUK ROSLAN BIN WAHAB**